

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) ialah sebuah syarikat berhad menurut jaminan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang ditubuhkan pada 18 Februari 1992. Aktiviti utama IKIM adalah untuk menjalankan penyelidikan dan perundingan, penerbitan, media, seminar/bengkel/forum dan latihan.
- Prestasi dan pengurusan aktiviti utama IKIM yang dinilai ialah aktiviti penyelidikan dan media bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Ogos 2022.
- Perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output dinilai terhadap Petunjuk Prestasi Utama (KPI); bilangan penyelidikan pusat kajian; bilangan penerbitan pusat kajian; bilangan penyiaran baharu; serta prestasi kewangan. Pencapaian keberhasilan pula terdiri daripada penglibatan penyelidik dan penerbitan bertaraf antarabangsa; pengukuhan imej IKIM; penarafan IKIM di radio, TV dan media sosial; serta pengiktirafan dan anugerah yang diterima.
- Bagi pengurusan aktiviti, perkara yang dinilai ialah pengurusan aktiviti penyelidikan; pengurusan aktiviti media; pengurusan pengiklanan; pengurusan Koleksi Tamadun Islam (KTI); pengurusan keahlian IKIM; dan pengurusan aset tanah.
- Penilaian terhadap lapan aspek amalan tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Ketua Pengarah, Prosedur Operasi Standard (SOP), Pelan Strategik dan KPI, Jawatankuasa Audit (JKA) serta Audit Dalam dibuat bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Ogos 2022.
- Analisis kedudukan kewangan juga dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2019, 2020 dan 2021.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- IKIM berperanan menyebarkan dan memberi kefahaman Islam yang tepat ke arah pemupukan dan kemajuan peradaban Islam dan dunia melalui pelbagai program dan aktiviti.
- Sehingga tahun 2022, IKIM telah menerima peruntukan geran Kerajaan berjumlah RM327.81 juta.
- KTI bernilai RM10.16 juta telah diperoleh pada tahun 2008.
- Dua lot tanah bernilai RM37.24 juta telah dimiliki melebihi 20 tahun dan sejumlah RM0.53 juta telah dibelanjakan untuk cukai tanah.

- IKIM tidak pernah diaudit oleh Jabatan Audit Negara sejak ditubuhkan pada tahun 1992.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, IKIM telah mencapai objektif penubuhan syarikat.
- Namun perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - pencapaian KPI IKIM berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 adalah pada tahap memuaskan. Kesemua 10 KPI utama tidak dicapai, namun enam (60%) daripadanya telah mencapai antara 81% hingga 96.6%. Empat (40%) sasaran mencatatkan pencapaian kurang 80% iaitu antara 53.8% hingga 77.6%;
 - jumlah liputan media peringkat kebangsaan tidak mencapai sasaran pada tahun 2020 dan sasaran bilangan resolusi/laporan diserahkan kepada pihak berkepentingan tidak dicapai pada tahun 2021;
 - *ranking* radio IKIM dalam kalangan stesen berbahasa Melayu, jumlah penonton TV IKIM dan jumlah *likes* Facebook menurun pada tahun 2021 berbanding sasaran;
 - tiada pemakluman kelulusan pelaksanaan penyelidikan kepada Lembaga Pengarah dan penetapan tempoh masa bagi lanjutan masa penyelidikan;
 - satu jaringan kerjasama antara IKIM dengan pihak luar tidak dilaksanakan sepenuhnya mengikut skop yang ditetapkan;
 - penerbitan rancangan radio sebelum kelulusan dan penilaian rancangan/program tidak dilaksanakan;
 - waktu puncak bilangan pendengar diisi dengan slot bual bicara berkenaan iklan produk komersial dan perkhidmatan yang berdurasi panjang;
 - jumlah penggunaan atau rujukan terhadap KTI sangat rendah berbanding dengan kos perolehan RM10.16 juta;
 - kelemahan dalam pengurusan keahlian IKIM; dan
 - tanah yang dimiliki tidak dimanfaatkan dan tidak mendapat kebenaran pemilikan daripada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.
- Kedudukan kewangan IKIM adalah stabil dengan lebih pendapatan RM86.11 juta, namun IKIM masih bergantung kepada geran Kerajaan dan keuntungan pelaburan.
- Amalan tadbir urus korporat IKIM berada pada tahap baik, namun memerlukan penambahbaikan bagi lima aspek iaitu Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Pelan Strategik dan KPI serta JKA.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah IKIM perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:
 - proses pemakluman kelulusan pelaksanaan penyelidikan kepada Lembaga Pengarah, permohonan kelulusan tempoh lanjutan masa penyelidikan dan kelulusan penerbitan rancangan perlu ditambah baik;
 - matlamat dan skop kerjasama perlu dirancang dengan baik dan memastikan ia dilaksanakan serta dapat dicapai. Kajian dan analisis terhadap penerbitan rancangan perlu sentiasa dilaksanakan bagi memastikan bilangan pendengar dan penonton ditingkatkan;
 - pengisian iklan produk komersial pada waktu puncak radio IKIM perlu dikaji semula kesesuaiannya agar mengandungi elemen informasi Islami seiring dengan objektif penubuhan IKIM;
 - meningkatkan usaha memperkemaskan pengurusan KTI agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya kepada semua lapisan masyarakat dan mencapai objektif perolehan buku nadir;
 - meningkatkan usaha untuk menambah keahlian IKIM atau mengkaji semula Perlembagaan IKIM agar bilangan keahlian bertambah selari dengan keperluan sebenar berdasarkan kepada matlamat meningkatkan kefahaman Islam;
 - kebenaran pemilikan tanah daripada Menteri perlu dimohon dan tanah yang dimiliki wajar dimanfaatkan untuk mengelakkan daripada pembaziran sumber; dan
 - memantapkan amalan terbaik tadbir urus korporat dalam aspek Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Pelan Strategik dan KPI serta JKA.